

**27 MAC 2017 (ISNIN)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2017**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 27 MAC 2017 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

## **27 MAC 2017 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

**27 MAC 2017 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

**27 MAC 2017 (ISNIN)**

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**27 MAC 2017 (ISNIN)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**27 MAC 2017 (ISNIN)**

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas pada 27 Mac 2017 dimulakan dengan Doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Proklamasi Oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta memanggil* Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 27 Mac hingga 31 Mac 2017 dan 03 April hingga 07 April 2017 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 07 hari bulan Februari 2017.

[ DUN. Sel. 30287/12 Jld 13 ]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

## **27 MAC 2017 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-dif Kehormat dan para jemputan, dengan ini dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan. Oleh itu saya menempohkan Dewan buat seketika.

### **( DEWAN DITANGGUHKAN SEKETIKA )**

**SETIAUSA DEWAN** : Keberangkatan masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor serta Y.B. Tuan Speaker.

Dengan hormatnya dijemput Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor untuk mempersempahkan Titah Ucapan Diraja kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### **( TITAH UCAPAN DULI YANG MULIA SULTAN SELANGOR )**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.  
*Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Beta, bersyukur ke hadrat *Allah Subhanahu Wata'ala* kerana dengan izin dan inayah-Nya, Beta dapat menyempurnakan Pembukaan Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2017.

Sejak Pembukaan Persidangan Dewan Negeri pada tahun lalu, Beta telah menyaksikan ekonomi negeri Beta terus berkembang selari dengan agenda Membangun Bangsa dan Memakmur Negeri.

Sebagai penyumbang utama kepada KDNK Malaysia, Selangor merupakan negeri terpenting dalam memastikan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi, menjelang tahun 2020. Ekonomi Selangor menjadi indikator utama prestasi ekonomi Malaysia di mana Selangor mendominasi sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Alhamdulillah, KDNK per kapita Selangor telah meningkat kepada Ringgit Malaysia Empat Puluh Dua Ribu Enam Ratus Sebelas (RM 42,611) dan melebihi paras nasional. Pendapatan isi rumah juga telah meningkat dan kini Selangor menduduki ranking ke-3 selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

## **27 MAC 2017 (ISNIN)**

Komitmen Kerajaan Negeri yang bersepada dalam menangani masalah kemiskinan rakyat dilihat berjaya mengeluarkan Selangor dari belenggu kemiskinan dan mencatat insiden kemiskinan kosong perpuluhan dua peratus (0.2%) sahaja berbanding Malaysia pada kadar kosong perpuluhan enam peratus (0.6%).

Keadaan ini mencerminkan pencapaian ekonomi Negeri Selangor lebih baik dan kekal berdaya tahan meskipun berdepan dengan cabaran.

Beta yakin pencapaian ini terbina hasil daripada gagasan Kerajaan Negeri Beta serta sikap dan usaha Ahli-ahli Dewan Negeri yang responsif kepada aspirasi dan tuntutan rakyat. Semangat ini wajar ditingkatkan lagi memandangkan senario 2017 yang mencabar. Ini menuntut semua Ahli Dewan Negeri memberikan tumpuan kepada isu-isu rakyat dan menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai tempat untuk mengemukakan idea serta saranan yang progresif untuk mengekalkan momentum yang positif ini.

Beta berkenan Dewan Negeri Selangor telah meluluskan Belanjawan 2017 berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Perpuluhan Empat Lima Bilion (RM 3.45 bilion), peruntukan terbesar yang pernah tercatat dalam Belanjawan Negeri Selangor.

Memanda Beta telah mengambil langkah bijak dan berani dengan meningkatkan peruntukan pembangunan kepada lima puluh dua perpuluhan dua peratus (52.2%). Ini bertepatan dengan konsep Selangor sebagai Negeri Pembangunan. Melalui langkah ini, rakyat akan mengecapi nikmat pembangunan yang melebar ke serata negeri.

Beta mengalu-alukan peningkatan peruntukan pembangunan dari tahun ke tahun. Peruntukan pembangunan pada tahun 2015 yang berjumlah Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Satu Tiga Bilion (RM 1.13 bilion) telah ditingkatkan kepada Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Lapan Kosong Bilion (RM 1.80 bilion) pada tahun 2017.

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memikul tanggungjawab yang besar bagi memastikan projek-projek pembangunan disiapkan mengikut jadual. Pembangunan yang terancang akan membantu merancakkan aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

Sayugia Beta mengingatkan Ahli-Ahli Dewan Negeri bahawa *economic fundamentals* bukan lagi tertumpu kepada persoalan *balance of payments* dan angka ekonomi semata-mata tetapi asas ekonomi hari ini mestilah merangkumi integriti, ketelusan, urus tadbir yang baik dan institusi yang berwibawa.

## **27 MAC 2017 (ISNIN)**

Beta amat sukacita apabila prinsip-prinsip yang Beta nyatakan tadi telah mendasari pentadbiran Kerajaan Negeri dan telah menyuntik keyakinan para pelabur untuk berlabuh dan mengekalkan Selangor sebagai destinasi pelaburan.

Menurut Laporan *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), sehingga 31 Disember 2016, Negeri Selangor telah mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Perpuluhan Lapan Puluh Lapan Bilion (RM 7.88 bilion) dengan lebih lima puluh peratus (50%) pelaburan dikuasai oleh pelabur tempatan. Beta mahu pelaburan yang besar ini berupaya mewujudkan ‘*value creation*’ bagi memberi manfaat langsung kepada rakyat Beta.

Pelaburan ini telah mencipta enam belas ribu empat ratus dua puluh tujuh (16,427) peluang pekerjaan dan dua ratus empat puluh dua (242) projek perkilangan iaitu jumlah tertinggi yang direkodkan di Malaysia.

Beta yakin Invest Selangor akan terus mengekalkan kecemerlangan dan maju ke hadapan dengan mendakap gerakan Industri 4.0 yang meliputi kemajuan dalam *digital fabrication technologies*. Invest Selangor mesti menjamin hasil yang positif dalam lima kluster yang telah ditetapkan iaitu elektrik & elektronik, sains hayat, makanan dan minuman, peralatan pengangkutan serta jentera dan peralatan.

Invest Selangor harus meneruskan kerjasama dengan MIDA dan *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE) bagi menjamin kedudukan Selangor sebagai gedung kuasa ekonomi negara.

Beta mengikuti kesungguhan anggota perkhidmatan awam Negeri Selangor khususnya di peringkat daerah dalam meningkatkan hasil bagi membiayai pembangunan negeri. Sebagai sebuah negeri maju dan berteknologi tinggi, usaha mempelbagaikan sumber pendapatan negeri perlu ditingkatkan termasuk mencari sumber baru dan tidak hanya bergantung kepada hasil tanah.

Beta mahu peranan dan fungsi syarikat-syarikat milik Negeri dimantapkan melalui rasionalisasi aset termasuk menyatukan dan menyusun semula aset-aset dan menetapkan strategi perniagaan untuk penciptaan nilai yang mampan (*sustainable value creation*).

Sebagai contoh, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sewajarnya mempunyai keupayaan untuk bersaing dengan pemaju-pemaju swasta secara strategik disamping mengekalkan matlamat penubuhan PKNS untuk menyediakan perumahan rakyat yang mampu dimiliki dan berkualiti.

Kerajaan Negeri Beta telah melaksanakan dasar pendemokrasian pemilikan rumah (*house owning democracy*) bagi menjamin hak rakyat untuk memiliki sebuah rumah yang *affordable* dan berkualiti.

Untuk mencapai matlamat ini, peranan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) harus diberdayakan untuk berfungsi sebagai agensi yang merancang dan membangunkan perumahan serta kawasan perbandaran untuk mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti.

Beta difahamkan sebanyak lebih dua puluh ribu unit Rumah Selangorku sedang dalam pelbagai peringkat pembangunan semenjak dilancarkan pada tahun 2014 melalui *smart-partnership* dengan pemaju. Kemajuan ini perlu dipantau secara berkala untuk memastikan rakyat Beta dapat memiliki rumah dalam tempoh yang ditetapkan.

Beta berkenan masalah *end-financing* ditangani untuk membolehkan graduan muda dan kumpulan M40 memiliki rumah.

*Malaysia Institute of Economic Research* (MIER) melaporkan antara kekuatan Negeri Selangor adalah kestabilan dan penyatuan dalam pentadbiran, cekal dan berpandangan jauh serta melaksanakan dasar dan program yang mengutamakan rakyat. Kerajaan Negeri Beta tuntas melaksanakan program meningkatkan tahap sosio-ekonomi rakyat agar kemakmuran negeri ini dapat dinikmati oleh semua rakyat Beta.

Beta difahamkan bahawa rakyat Beta gembira tentang kejayaan pelbagai inisiatif Peduli Rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Pada tahun lalu, rakyat Beta bergembira mendapat perkhidmatan percuma Bas Smart Selangor di kesemua dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan. Perkhidmatan ini telah dinikmati oleh lebih enam perpuluhan empat (6.4) juta rakyat sekaligus meningkatkan mobiliti dan perhubungan masyarakat bandar dan desa.

Golongan peniaga kecil pula bergembira kerana Kerajaan Negeri Beta telah mengecualikan fi lesen perniagaan untuk gerai, pasar tani dan pasar malam. Orang-orang kampung dan pemilik rumah kos rendah bersyukur kerana Kerajaan Negeri Beta telah mengecualikan cukai taksiran selama dua tahun berturut-turut.

Ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri Beta terhadap kos sara hidup rakyat yang semakin tinggi sedangkan pendapatan mereka yang boleh dibelanjakan atau *disposable income* semakin menguncup.

## **27 MAC 2017 (ISNIN)**

Beta mengucapkan tahniah kepada Memanda Dato' Menteri Besar yang terus tampil dengan idea-idea baru. Skim Peduli Sihat dan Peduli Siswa diperkenalkan dengan tumpuan khusus kepada golongan B40 dan mahasiswa. Program ini adalah cerminan rasa peduli Kerajaan Negeri dalam sektor pendidikan dan kesihatan rakyat.

Beta amat berbangga kerana negeri Beta merupakan negeri pertama memperkenalkan Skim Pembiayaan Rawatan Kesihatan Asas atau *primary care* kepada rakyat. Dengan pembiayaan Ringgit Malaysia Seratus Dua Puluh Lima Juta (RM 125 juta), dapatlah rakyat Beta melakukan saringan kesihatan secara percuma untuk mengesan tandatanda awal sekiranya seseorang itu menghidapi penyakit yang tidak berjangkit.

Program Peduli Sihat dapat menjamin rakyat Beta sihat dan bertenaga serta menyumbang kepada produktiviti negeri. Skim Peduli Sihat ini adalah terunggul di Malaysia dan hanya di Negeri Beta.

Beta ingin menasihatkan agar kegiatan sukan dipertingkatkan sebagai sebahagian daripada agenda negeri untuk mempertingkatkan mutu kesihatan rakyat.

Langkah proaktif Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM 10 juta) untuk Program Peduli Siswa pula telah memberi kemudahan kepada anak-anak Selangor di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk membayai pengajian mereka. Sebagai sebuah negeri maju yang berteknologi tinggi, inovatif dan kreatif, Selangor memerlukan tenaga kerja berkemahiran dan berilmu.

Pada hemat Beta, pendidikan tinggi perlu menjalani transformasi dengan pembaharuan drastik dan menyeluruh. Selain daripada menghasilkan graduan yang cemerlang dalam bidang akademik, institusi pengajian tinggi juga perlu menyediakan modal insan yang berkemahiran tinggi.

Kecekapan, kepakaran teknikal, pemerolehan serta peningkatan *soft skills* dan *hard skills* akan memastikan keluaran graduan dapat memenuhi keperluan industri dan negeri. Ini penting untuk mencapai matlamat *knowledge economy* dan gagasan menjadikan Negeri Selangor sebagai *Smart State*.

Generasi muda mempunyai potensi untuk maju sebagai usahawan. Ekonomi Selangor yang rancak membuka peluang perniagaan buat mereka untuk menjana mobiliti, mengurangkan kebergantungan dan melebarkan kemakmuran di kalangan golongan yang terpinggir. Beta gembira Kerajaan Negeri komited untuk melatih dan

## **27 MAC 2017 (ISNIN)**

mengupayakan generasi muda bagi membina kepakaran, memahami persekitaran perniagaan, pemasaran dan pengurusan kewangan termasuk melaksanakan Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor dengan peruntukan sebanyak RM 1 juta.

Sementara itu, Selangor mencatatkan peratusan kebolehpasaran (*employability*) wanita yang lebih tinggi berbanding lelaki. Ini mencerminkan sikap daya maju wanita Selangor. Beta berkenan dengan penubuhan Institut Wanita Berdaya (IWB) untuk merencana dasar dan kebajikan yang lebih progresif demi memartabatkan wanita di Negeri Selangor.

Dua hari yang lalu, Beta telah berangkat menyertai usaha Kerajaan Negeri dalam Program Tanam Pokok sempena Hari Hutan Antarabangsa yang turut melibatkan rakyat Beta dan juga mahasiswa.

Hutan merupakan khazanah semulajadi yang amat kaya dengan pelbagai sumber asli dan biodiversiti. Khazanah hijau ini perlu dipelihara bagi menjamin ekosistem alam semulajadi dalam pembangunan yang mampan.

Pembangunan sungai berperanan untuk menjamin ekosistem alam sekitar yang mampan. Justeru itu, kebersihan sungai amat penting. Bertahun-tahun lamanya Sungai Klang sarat dengan sampah sarap terapung sehingga menjadi pulau. Beta amat gembira dengan kesungguhan dan kejayaan KDEB Waste Management yang telah membersihkan Sungai Klang dengan mengeluarkan lebih lapan belas ribu (18,000) tan sampah sehingga mergastua kembali dalam ekosistem tersebut.

Air adalah sebahagian daripada ekosistem yang harus dipelihara. Air adalah taliand hayat kemanusiaan. Beta berkenan dengan sikap proaktif Kerajaan Negeri yang mengambil langkah-langkah untuk memelihara sumber air negeri.

Justeru itu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang merupakan agensi pengurusan sumber air mentah yang pertama mempunyai enakmen perlu memastikan pengurusan sumber air mentah dapat dibuat secara efektif, mampan dan strategik.

Beta berkenan semua pihak termasuk rakyat dan agensi Kerajaan untuk mengamalkan sikap berjimat cermat dalam penggunaan air. Pelaksanaan Sistem Pengutipan Air Hujan (SPAH) adalah satu langkah permulaan yang positif ke arah konservasi air.

Pengurusan Air Selangor perlu meneruskan usaha memberi perkhidmatan air secara holistik, efisien dan kos efektif serta mengambil peduli tentang keperluan rakyat dan industri.

\Beta amat sukacita kerana Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah Ringgit Malaysia Empat Ratus Juta (RM 400 juta) untuk menggantikan paip-paip air lama secara berperingkat sepanjang empat ratus dua puluh dua (422) kilometer demi memastikan kualiti dan bekalan air terus terjamin. Usaha ini dapat mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) dan mengelakkan gangguan bekalan air yang berpunca daripada masalah paip pecah atau bocor.

Beta menyambut baik langkah proaktif Air Selangor yang telah membuat audit menyeluruh ke atas semua aset air dalam usaha untuk meningkatkan kelangsungan (*reliability*) sistem bekalan air. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan Ringgit Malaysia Enam Puluh Juta (RM 60 juta) untuk kerja-kerja baik pulih dan naik taraf rumah pam dan kolam-kolam air.

Beta mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil keputusan untuk membina dua buah loji rawatan air yang menelan belanja Ringgit Malaysia Lapan Ratus Juta (RM 800 juta). Pembangunan ini penting untuk menampung keperluan air terawat khususnya di kawasan selatan Negeri Selangor termasuk Daerah Kuala Langat.

Pembangunan dua loji rawatan ini menggunakan konsep *Off River Storage* (ORS) yang mampu mengekalkan bekalan air mentah sekalipun berlaku pencemaran di sungai selain dapat berfungsi sebagai kolam takungan bagi mengelakkan risiko banjir di penempatan hiliran sungai. Ini adalah antara langkah-langkah jangka panjang bagi menjamin kelangsungan bekalan air yang lestari untuk rakyat Beta.

Beta juga berkenan kerana Kerajaan Negeri telah menjalankan kerja-kerja secara menyeluruh dan mengambil langkah-langkah yang terbuka dan telus dalam memuktamadkan proses pengambilalihan syarikat konsesi air bagi memelihara kepentingan rakyat Negeri Selangor. Beta difahamkan Kerajaan Persekutuan turut mengambil langkah yang sama seperti langkah Kerajaan Negeri melantik penilai bebas untuk menentukan nilai pengambilalihan. Justeru, Beta berharap agar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat memuktamadkan proses ini dengan menjamin kepentingan negeri dan rakyat.

Oleh itu, Beta mahu semua pihak mengambil sikap yang bertanggungjawab dan tidak mempolitikkan isu air semata-mata kerana kepentingan sempit kumpulan sehingga sanggup mengorbankan kepentingan rakyat.

## **27 MAC 2017 (ISNIN)**

Sementara kita bersyukur dengan kejayaan Selangor, janganlah kita lupa aspek kebudayaan dan jati diri. Rakyat Beta harus memahami sejarah dan asal muasal Kerajaan Negeri ini untuk memperkuatkan kefahaman tentang konsep Raja Berperlembagaan.

Beta berbangga dengan sikap Memanda Beta yang tegas menjunjung prinsip Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Prinsip ini merupakan tiang seri yang menjamin kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.

Disini Beta ingin mengingatkan sekali lagi kepada rakyat Negeri Selangor yang dikasihi, supaya sentiasa hormat menghormati antara satu sama lain, baik dari segi agama dan adat resam, serta dapat hidup dengan aman dan damai di dalam satu negeri yang berbilang kaum ini.

Beta amat terharu dapat berangkat hadir untuk meraikan perpaduan rakyat pelbagai kaum yang terzahir semasa Sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini. Semangat ini perlu terus disuburkan demi kelangsungan sebuah negeri yang maju.

Kemajuan negeri perlu diseimbangkan dengan aspek moral dan kerohanian. Beta gembira Kerajaan Negeri giat membangunkan institusi agama Islam termasuk 60 projek pembinaan masjid, Sekolah Rendah Agama dan Kompleks Islam Daerah dengan kos lebih RM 174 juta sejak 2015 bagi mengembangkan syiar Islam.

Masjid perlu kembali berperanan sebagai pusat pengembangan dan kemajuan intelek serta mengekalkan masjid sebagai tonggak ibadah dan kerohanian. Umat Islam di Selangor perlu berpegang kepada ajaran Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang menekankan pendekatan kesederhanaan dan ilmu. Islam menganjurkan perdamaian dan hubungan baik sesama manusia.

Sekiranya Ahli-Ahli Dewan Negeri berpegang kepada prinsip kesederhanaan dan bersedia meraikan perbedaan, Beta menaruh keyakinan bahawa segala yang kusut dapat dirungkai, yang seterusnya dapat berdamai dan akhirnya negeri ini bertambah permai.

Sebelum Beta mengakhiri ucapan Beta ini, Beta ingin menyatakan bahawa politik bukanlah semata-mata untuk memburu kuasa. Politik dalam pengertian sebenar adalah usaha untuk mencapai urus tadbir yang cemerlang bagi membangunkan negeri. Dalam hal ini, Beta berkenan dengan pentadbiran Kerajaan Negeri yang stabil dan meletakkan agenda peduli rakyat mengatasi polemik dan politik sempit. Amat malang sekali, politik hari ini dicemari dengan kebencian, kemarahan, fitnah, menimbulkan salah faham

## **27 MAC 2017 (ISNIN)**

antara satu sama lain dan perkauman sempit. Beta berkenan Kerajaan Negeri meneruskan amalan politik luhur yang berteraskan prinsip dan nilai.

Beta mendoakan semoga persidangan kali ini dapat menggembung kesatuan tenaga dan pemikiran dengan satu matlamat untuk Membangun Bangsa dan Memakmur Negeri.

Maka, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Beta dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2017.

Selamat bersidang.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah,*  
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER :** Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari Selasa, 28 Mac 2017, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan hormatnya dijemput Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor diiringi Al-Fadhil Imam Paduka Tuan dan Sahibul Fadhilah Imam Besar Masjid Negeri Selangor untuk membacakan Doa Selamat setelah sempurnanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas.

**( DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR MEMBACA DOA )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor meninggalkan Dewan Mesyuarat.

**( D.Y.M.M. Sultan Selangor, D.Y.M.M. Tengku Permaisuri Selangor, dan D.Y.T.M Raja Muda Selangor berangkat dari Dewan Mesyuarat ke Bilik Jamuan VVIP Bangunan Annex )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan segala hormatnya dijemput semua hadirin ke jamuan ringan yang disediakan di Dewan Jamuan, Bangunan Annex. Sekian, terima kasih.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 10.45 pagi )**